



**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERUSAHA YBRS. DR. ROSLI BIN DARMAWAN**  
**KETUA PENGARAH**  
**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

=====

**KURSUS PEMINDAHAN TEKNOLOGI**  
**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

=====

**29 MEI 2024 (RABU)**

**DEWAN TUN DR. ISMAIL (DTI)**  
**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih Puan Norasiah binti Ab. Kasim selaku pengacara Majlis dan moderator sepanjang tiga hari bengkel pemindahan teknologi ini.

**YANG BERUSAHA DR. NOR PA'IZA BIN MOHAMAD HASAN**

Pengarah Bahagian Teknologi Industri yang kini sedang menanggung tugas Pengarah Kanan Pengkomersilan dan Perancangan Teknologi

**YANG BERUSAHA DR. RASIF BIN MOHD ZAIN**

Pengarah Bahagian Pengkomersilan Teknologi selaku penyelaras bagi penganjuran Kursus Pemindahan Teknologi Agensi Nuklear Malaysia ini.

Pengarah-pengarah bahagian, pengurus-pengurus, ahli-ahli Jawatankuasa Strategik dan Teknikal Pengkomersialan, para penyelidik Nuklear Malaysia dan peserta kursus yang saya kasihi sekalian.

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat serta keizinanNYA jua kita dapat berkumpul bersama-sama dan hadir di Dewan Tun Dr. Ismail (DTI), Blok 11 ini.

2. Pertama sekali saya ingin menyatakan setinggi penghargaan kepada semua yang hadir terutamanya kepada juruperunding dan penceramah yang diketuai oleh Dr. Eric Balan, Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Asiatech Education Sdn Bhd. dan Dr Mohar Bin Yusof, Pengarah di Syarikat Asiatech Education Sdn Bhd. di atas kesudian membimbing dan memberi khidmat kepakaran kepada semua peserta **KURSUS PEMINDAHAN TEKNOLOGI AGENSI NUKLEAR MALAYSIA** yang akan berlangsung selama tiga (3) hari iaitu bermula pada hari ini hingga Jumaat iaitu 29 hingga 31 Mei 2024.
3. Untuk makluman Tuan-Tuan dan Puan-Puan, perunding kursus untuk tiga hari ini merupakan perunding yang diperkenalkan oleh *Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation* (MRANTI). Di MOSTI, MRANTI berperanan dalam membantu dan menyediakan fasilitasi kepada semua institusi R&D untuk merealisasikan pengkomersialan hasil R&D mereka sehingga ke pasaran. Pelbagai infrastruktur, intervensi dan program yang telah dibangunkan oleh MRANTI bagi tujuan pengkomersialan ini. Saya yakin dengan kepakaran dan pengalaman perunding kursus ini dapat memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada semua peserta berkenaan pemindahan teknologi.
4. Peserta yang hadir dalam kursus ini terdiri dari Ahli Jawatankuasa Strategik dan Teknikal Pengkomersialan dan para pegawai penyelidik terutamanya inventor-inventor produk-produk Nuklear Malaysia. Diantara topik-topik yang menarik saya lihat dijadual seperti pemahaman tentang kesinambungan R&D dan

pengkomersialan, *Technology Readiness Level* (TRL) dan metriknya; bagaimana membangunkan pelan pengkomersialan dan lain-lain lagi.

5. Saya mengambil peluang di sini mewar-warkan kepada hadirin di sini bahawa Dr/tuan puan telah di sediakan panduan yang jelas dalam pengkomersialan harta intelek hasil R&D, kreativiti dan inovasi yang dibiayai Kerajaan. Pada Oktober 2022, MOSTI telah menerbitkan Dasar Pengkomersialan Harta Intelek dan Reka Cipta Dibiayai Kerajaan yang berkuat kuasa pada 2021 sehingga 2025. Dasar ini telah ditambah baik daripada dasar asal iaitu Dasar Pengkomersialan Harta Intelek Hasil Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Yang Dibiayai Oleh Kerajaan, Jun 2009 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 30/2009.
6. Justeru itu, Nuklear Malaysia telah mengambil inisiatif membangunkan dan menambahbaik Pekeliling Ketua Pengarah berkaitan Tatacara Pengagihan Hasil Pengkomersialan Harta Intelek Agensi Nuklear Malaysia kepada Perekacipta/Inventor yang berkuat kuasa bermula 14 April 2023. Pekeliling ini telah di war-warkan kepada semua warga Nuklear Malaysia pada 11 Mei 2023.
7. Untuk makluman, telah ada beberapa Pegawai Penyelidik Nuklear Malaysia yang telah menerima hasil royalti daripada kejayaan pengkomersialan R&D mereka. TAHNIAH diucapkan. Kita mahukan ramai lagi Pegawai Penyelidik yang menerima hasil kejayaan seperti ini.

Dr/Tuan/Puan sekalian,

8. Saya dimaklumkan yang pada hari pertama kursus ini dilaksanakan secara *hibrid* bagi membuka peluang kepada semua Pegawai Penyelidik menyertai sesi secara atas talian bagi mendengar dan mendapatkan ilmu pengetahuan dalam topik-topik yang akan dikupas oleh pihak perunding secara teori. Manakala pada hari kedua akan diadakan face-to-face dan hands-on. Maksudnya akan ada praktikal secara kerja kumpulan. Dalam pada itu juga dihari terakhir kursus kita mengajak sama menyemak dan memberikan pandangan pada model pengkomersialan yang ada di Nuklear Malaysia agar aktiviti pemindahan teknologi dan pengkomersialan RDCI dapat diperkasakan lagi.
9. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada BKT khususnya Pusat Kerjasama dan Pengkomersialan BKT diatas usaha merealisasikan penganjuran kursus ini dan kepada semua peserta tahniah di atas kerjasama dan komitmen dan harap-harap dapat hadir penuh dalam kursus ini walaupun kita faham masing-masing mempunyai kerja-kerja hakiki padat yang perlu juga dilaksanakan dalam masa yang sama.

### **PENGGOMERSIALAN HASIL R&D NUKLEAR MALAYSIA**

Dr/Tuan/Puan sekalian,

10. Saya ingin menyentuh sedikit berkenaan pengkomersialan hasil penyelidikan Nuklear Malaysia. Berdasarkan laporan tahunan status pemindahan teknologi agensi Nuklear Malaysia dan sumber

data kamus MYKPI tier 3 menunjukkan pada tahun 2021 lima (5) produk dikomersialkan, tahun 2022 dua (2) produk dikomersialkan, manakala tahun 2023 tiga (5) produk dikomersialkan berbanding 263, 202 dan 172 projek R&D yang telah diuruskan di RMC pada tahun 2021, 2022 dan 2023.

11. Sehubungan itu, bagi memperkasakan aktiviti pemindahan teknologi dan pengkomersialan Agensi Nuklear Malaysia, pada tahun 2024 kita mensasarkan sebanyak 50% pengkomersialan produk daripada hasil R&D yang berada pada ***Technology Readiness Level (TRL) 7*** dan ke atas atau mana-mana produk yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Hadirin sekalian,

12. Kita juga seringkali mendengar persoalan diajukan seperti siapa yang bertanggungjawab mengkomersialkan produk R&D? Penyelidik atau pejabat pemindahan teknologi BKT? Keadaan ini kadangkala menimbulkan tekanan kepada pelbagai pihak. Dirisaukan ianya mempengaruhi Nuklear Malaysia sebagai Institut Penyelidikan Kerajaan di MOSTI dalam mencapai matlamat untuk menjadi pusat kecemerlangan RDCI khusus dalam teknologi nuklear.
13. Oleh itu, penting bagi para penyelidik membudayakan fikiran dan amalan dalam mengkomersialkan hasil R&D, dan memahami bahawa kesinambungan pengkomersialan bermula dari proses penyelidikan mereka dan berakhir di tangan pengguna. Demikian juga, kesinambungan pengurusan penyelidikan teknologi yang

efektif oleh RMC hinggalah ke Bahagian Pengkomersilan Teknologi (BKT). Saya berharap melalui kursus hari ini dapat membuka minda para penyelidik dan mengubah paradigma dari sekadar mencipta kepada pengkomersialan. Perubahan mindset ini adalah kunci untuk mencapai kejayaan dalam pemindahan teknologi.

14. Oleh itu, Justeru, Pengurusan Nuklear Malaysia amat menyokong penganjuran kursus pemindahan teknologi ini agar Nuklear Malaysia dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan tahun ini. Kejayaan pengkomersilan produk dan teknologi dari RDCI tidak hanya akan memberi manfaat kepada penyelidik secara individu, tetapi juga akan membawa kemajuan yang signifikan kepada Agensi Nuklear Malaysia seterusnya kepada kemajuan negara.
  
15. Saya berharap juga agar BKT bersama-sama RMC terus aktif memainkan peranan membantu, menyokong dan menguruskan proses RDCI Agensi Nuklear Malaysia sehingga berjaya. Diingatkan setiap pihak memainkan peranan yang amat penting dalam menjayakan pengkomersialan ini, baik para penyelidik, RMC dan BKT serta pihak pengurusan. Oleh itu, kerja secara berpasukan perlu dititikberatkan tanpa memikirkan kepentingan peribadi.

## **PENUTUP**

10. Saya mendoakan agar semua peserta kursus dikurniakan kesihatan yang baik, minda yang lapang dan hati yang terang untuk menimba ilmu, pengetahuan dan mengasah kemahiran sepanjang menyertai kursus ini. Besar harapan saya, agar objektif kursus ini tercapai dan memberi manfaat kepada semua.
  
11. Akhir kata, saya mengucapkan selamat berkursus kepada semua peserta. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya merasmikan KURSUS PEMINDAHAN TEKNOLOGI, Agensi Nuklear Malaysia.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah. Wasalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh**